

Akan cuma menyakitkan hati musuhnya

PM: Iraq tidak perlu mendakwa menang

27 FEB 1991

KUALA LUMPUR 26 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, Iraq tidak perlu mendakwa ia mendapat kemenangan kerana ini akan cuma menyakitkan hati musuhnya.

"Apa guna mendakwa menang jika lebih ramai lagi yang akan mati," tegas beliau selepas merasmikan Galeri Artiquarium di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau berharap Iraq akan berundur dari wilayah Kuwait dengan secepat mungkin setelah memutuskan untuk berbuat demikian hari ini.

"Saya berharap, dia tarik keluar (askarnya) dengan secepat mungkin dan berhentikan peperangan ini, tak perlulah mendakwa bahawa dia dapat kemenangan," ujarnya.

Presiden Iraq, Saddam Hussein hari ini telah mengumumkan pengunduran askarnya dari Kuwait. Pengunduran tersebut telah dilaporkan bermula sejak malam tadi.

Ditanya mengenai tindakan Amerika Syarikat meneruskan serangan darat meskipun Presiden Saddam telah bersetuju untuk berundur, Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu:

"Iraq tidak menyerah kalah, dia cuma tarik diri saja, nampak Amerika begitu berminat sekali untuk menentukan (Presiden) Saddam tidak lagi menjadi pemimpin dan Iraq akan rosak terus."

Mengenai permintaan mengadakan satu gencatan senjata bagi membolehkan askar Iraq berundur, Perdana Menteri tidak yakin

bahawa saranan untuk menghentikan peperangan akan didengari oleh Amerika.

Katanya, "kita telah minta berkali-kali untuk dihentikan peperangan ini daripada awal lagi, jadi kita nampak berulang berkali-kalipun, tidak begitu berkesan."

Perdana Menteri juga memberitahu, beliau dan Presiden Suharto dari Indonesia akan mengadakan rundingan tahunan mereka pada 1 Mac (Jumaat) ini.

Beliau menjelaskan bahawa rundingan empat mata itu dijangka membincangkan soal-soal hubungan duahala Malaysia-Indonesia dan perkembangan-perkembangan antarabangsa.

Pada 3 Mac pula di Bali, Perdana Menteri akan menghadiri satu seminar mengenai ASEAN dan ekonomi dunia anjuran Persekutuan Asia yang beribu pejabat di New York.

Menurut laporan Bernama di Jakarta, seminar tiga hari itu akan turut dihadiri oleh Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

Ditanya sama ada beliau, akan bertemu dengan Encik Goh, Dato' Sr. Dr. Mahathir berkata, pertemuannya dengan Encik Goh dan pemimpin-pemimpin lain mungkin dibuat secara tidak rasmi.

Menurut laporan Bernama itu lagi, seorang pegawai sekretariat negara Indonesia berkata Dato' Sri Dr. Mahathir dijadualkan menyampaikan satu ucapan dasar pada 4 Mac sebelum berlepas ke Batam pada hari berikutnya.